

Buka pasar tani secara berperingkat

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan membuka pasar tani di sekitar negeri secara berperingkat berdasarkan situasi semasa penularan wabak Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim berkata, sehingga kini hanya 22 daripada 48 pasar tani di negeri itu dibenarkan beroperasi mengikut prosedur

operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Ini termasuk pasar tani Stadium Shah Alam yang mula dibuka hari ini selepas dua minggu ditutup kerana kita perlu semak semula SOP,” katanya ketika ditemui ketika meninjau pembukaan Pasar Tani Stadium Shah Alam, semalam.

Dalam pada itu, Izham berkata, pihaknya juga akan memulakan kembali Pasar Agro Selangor (SAM) yang

dilaksanakan, tahun lalu selepas perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan dalam masa terdekat.

“Kita tidak mahu pelaksanaan SAM bercanggah dengan pasar tani kerana produk atau barangan yang dibawa menerusi SAM tidak sebanyak pasar tani, iaitu ia memfokuskan kepada barangan kegunaan harian diusahakan oleh usahawan agro Selangor,” katanya.

Dalam perkembangan lain,

kerajaan negeri bersama penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam proses kajian akhir bagi menghasilkan makanan ternakan menggunakan bahan tempatan seperti jerami demi menawarkan bekalan makanan ternakan yang lebih murah kepada penternak.

Jelasnya, kebanyakan makanan ternakan ruminan (lembu, kambing, lembu susu) sekarang adalah diimport dari luar.



SEBANYAK 22 daripada 48 pasar tani di Selangor dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan.